

16/11/2003

Dr M bantu penjelas helah Pas tipu rakyat

Ismail Mat

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad berasa dirinya turut bertanggungjawab memberi penjelasan kepada rakyat bagaimana Pas menipu rakyat termasuk menerusi Dokumen Negara Islam dalam usaha meraih undi dan sokongan pada pilihan raya umum akan datang.

Bekas Perdana Menteri berkata, dakwaan Pas untuk membina sebuah negara Islam sebenarnya satu penipuan untuk meraih sokongan, manakala penentangan DAP dan Keadilan juga satu penipuan untuk mengelak mereka hilang sokongan pengundi Cina.

"Saya rasa, saya ada tanggungjawab untuk beri penjelasan kepada rakyat. Dia keluarkan dokumen bukan bermakna dia nak buat benda tu, cuma nak tipu. Mereka tahu mereka tidak berupaya melakukannya. Apa yang mereka panggil sebagai negeri Islam tetapi tidak Islam langsung. Kita (Malaysia) adalah negara Islam dan Pas hanya berbohong.

"Seluruh dunia mengiktiraf kita (Malaysia) sebagai negara Islam yang menjadi model kepada mereka untuk dicontohi. Mereka tidak cakap nak tiru Kelantan atau Nik Aziz. Mereka tidak kata nak bersama dengan Nik Aziz atau nak kerjasama dengan syaitan," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, petang semalam. Beliau bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba dari Jepun kira-kira jam 4 petang.

Turut menyambut kepulangannya termasuk Menteri Penerangan yang juga Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaacob; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsuddin; Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub; Ketua Puteri Umno, Datuk Azalina Othman serta Timbalannya, Noraini Ahmad serta kira-kira 30 wakil media tempatan dan asing.

Dr Mahathir berkata, DAP dengan Keadilan juga hanya bersandiwara apabila mengeluarkan kenyataan menentang negara Islam Pas kerana mereka bimbang akan kehilangan undi masyarakat Cina jika menyokong Pas.

Beliau berkata, sudah menjadi pendekatan pemimpin Pas yang sentiasa memutarbelitkan kata-kata untuk menipu rakyat supaya mempercayai segala kenyataan dan dakwaan yang dibuat oleh mereka walaupun menyedari apa yang dikatakan itu tidak benar.

Ditanya mengenai kenyataan Nik Aziz yang dilaporkan berkata, Pas menyifatkan hasrat persaraan Dr Mahathir sebagai sandiwara dalam usaha memberi tekanan supaya beliau benar-benar bersara, beliau berkata, "Itu memang cara Pas, kata lain, niat lain.

"Dia kata yang itu, dia tahu betul-betul apa yang dikatakan itu tidak benar kerana kemudiannya dia boleh kata, kerana dia, saya letak jawatan.

"Saya baca dalam Berita Harian, (Ketua Penerangan Pas) Haron Din, kata kononnya akan bertanding di Kubang Pasu, kalau saya bertanding. Jadi kalau saya tak bertanding nanti, dia akan kata Dr Mahathir tak bertanding kerana takutkan dia, seolah-olah dia beri tekanan kepada saya supaya jangan bertanding.

"Ini semua cara Pas, kata lain tapi niat lain. Kata nak buat negara Islam tetapi niat dia nak tipu rakyat dapat undi. Kata nak kerjasama dengan DAP pun sama jugalah. Nak tipu DAP supaya sokong dia, selepas itu dia buat aniaya lain. Ini berlaku sepanjang masa," katanya.

Mengulas perlantikan Timbalan Perdana Menteri yang belum dilakukan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau berkata, itu adalah hak dan kuasa Perdana Menteri dan bukan lagi soal beliau yang sudah bersara.

"Sebagai orang biasa, saya turut tunggu," katanya. Berhubung pendekatan

yang diambil oleh Abdullah, sejak mengambil alih jawatannya, Dr Mahathir berkata, pendekatan penggantinya itu nampaknya mendapat sambutan cukup baik.

Mengulas percutiannya di luar negara sejak bersara, Dr Mahathir berkata, beliau berasa lega dan mengisi masa dengan rehat, membaca buku serta menulis kerana banyak ucapan perlu disiapkan bagi majlis yang perlu dihadirinya di Fukuoka, Jepun dan Seoul, Korea Selatan, selepas ini.

Dr Mahathir berkata, sepanjang percutiannya beliau tetap mengikuti perkembangan dalam negara menerusi akhbar yang diperoleh, walaupun sebahagiannya tidak sempat dibaca.

Mengenai sambutan Aidilfitri tahun ini, Dr Mahathir berharap dapat meraikannya bersama ahli keluarga. Selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri, beliau perlu bekerja pada hari raya apabila meraikan kedatangan orang ramai ke rumahnya.

"Kali ini saya nak raya, selama ini 22 tahun saya buat kerja pada hari raya. Tahun ni saya nak beraya bersama keluarga sendiri. Dah lama tak beraya dengan keluarga," katanya.